



**NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM BIDAAN KOMPETITIF BAGI  
PEMBANGUNAN LOJI JANAKUASA SOLAR FOTOVOLTAIK (PV) BERSKALA BESAR  
(LARGE SCALE SOLAR - LSS) DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN**

---

Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) serta menjamin bekalan tenaga secara berterusan di negara ini, Suruhanjaya Tenaga (ST) sekali lagi akan mengadakan proses bidaan kompetitif untuk memilih syarikat/konsortium bagi pembangunan loji janakuasa solar fotovoltaik (PV) berskala besar (*Large Scale Solar - LSS*) di Semenanjung Malaysia.

Proses bidaan LSS kali kelima atau LSS-Peralihan Tenaga SuRiA (LSS PETRA) ini menyasarkan kapasiti berjumlah 2,000MW<sub>ac</sub> di pecahkan kepada empat pakej yang melibatkan kapasiti daripada 1MW<sub>ac</sub> hingga 500MW<sub>ac</sub>. Loji-loji LSS ini dijadualkan mula beroperasi pada tahun 2026.

Sehubungan dengan itu, ST ingin mempelawa syarikat atau konsortium yang berminat dan mempunyai pengalaman yang luas dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, termasuk pembiayaan projek dan pengoperasian loji janakuasa, untuk mengambil bahagian dalam proses pembidaan kompetitif mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen *Request for Proposal* (RFP).

Dokumen RFP akan mula dijual dari **1 April 2024 jam 9.00 pagi hingga 16 April 2024 jam 5.00 petang** secara dalam talian melalui laman sesawang ST iaitu [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) dengan harga RM3,000.00 bagi setiap dokumen RFP. Penyerahan dokumen RFP secara fizikal yang lengkap hendaklah dihantar dan diterima oleh ST **selewat-lewatnya pada 25 Julai 2024 jam 5.00 petang** dan sebarang perubahan kepada kaedah penyerahan dokumen tersebut akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

Suruhanjaya Tenaga (*Energy Commission*)  
12, Jalan Tun Hussein  
Presint 2  
62100 Putrajaya, Malaysia.

[www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)  
[lss5@st.gov.my](mailto:lss5@st.gov.my)